



UgM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
SEMESTER 1 SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

**PPK 211 – MASALAH PEMBELAJARAN
TAJUK : PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

DISEDIAKAN OLEH :

ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS (148634)

CHRISALYN BULAN CHRISTOPHER (145719)

NUR IZZATI BINTI AHMAD RADZI (146469)

NOOR IZZATIE BINTI ARIFIN (148082)

TARIKH PENGHANTARAN : 18 DISEMBER 2020

DISEDIAKAN UNTUK :

ENCIK FADZIL BIN ABDULLAH

PENSYARAH PPK 211

ISI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Muka Hadapan	1
Isi Kandungan	2
1.0 Definisi masalah pembelajaran	3-4
2.0 Definisi Pengajaran dan Pembelajaran	4-5
3.0 Ciri-ciri Pengajaran dan Pembelajaran	5-6
4.0 Objektif Pengajaran dan Pembelajaran	6-7
5.0 Kaedah Pengajaran 5.0 Sindrom Down 5.1 Autisme 5.2 Hiperaktif 5.3 Kerencatan Akal 5.4 Disleksia	7-20
6.0 Kepentingan Pengajaran dan Pembelajaran	20-22
7.0 Kesan Pengajaran dan Pembelajaran terhadap MBK Masalah Pembelajaran.	22-24
8.0 Perbezaan Kedah Pengajaran dan Pembelajaran MBK	24-25
9.0 Kesimpulan	26
10.0 Rujukan	27-28

1.0 DEFINISI MASALAH PEMBELAJARAN

Menurut Akta Pendidikan 1996, murid-murid berkeperluan khas boleh didefinisikan sebagai murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan, atau kecacatan pendengaran atau masalah pembelajaran. Oleh itu, masalah pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai murid yang mempunyai masalah kognitif yang mengalami kerencatan akal yang dianggap boleh diajar dan boleh mendapat pendidikan formal sama seperti kanak-kanak lain. Terdapat banyak ciri-ciri murid bermasalah pembelajaran antaranya melalui ciri fizikal, intelek, sosial dan peribadi. Kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran berupaya untuk menerima pendidikan yang sesuai dengan kemampuan dan perkembangan mereka. Namun begitu, mereka mungkin akan mempunyai tindak balas yang agak kurang dalam strategi pengajaran dan pembelajaran biasa. Mereka juga mengalami kelewatan perkembangan yang perlahan sedikit jika hendak dibandingkan dengan kanak-kanak biasa yang lain. Oleh itu, telah wujud kurikulum bagi mereka yang bertujuan untuk membantu mereka mencapai perkembangan yang menyeluruh yang meliputi aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, bakat, akhlak, nilai-nilai estetika dan sosial agar mereka boleh menjadi masyarakat yang berguna dan berdikari pada masa hadapan sama seperti kanak-kanak lain.

Kanak-kanak bermasalah pembelajaran merupakan kanak-kanak yang telah dikenalpasti oleh pakar profesional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang mengganggu proses pembelajaran. Kanak-kanak bermasalah pembelajaran adalah kanak-kanak yang mempunyai masalah kognitif yang boleh diajar dan boleh mendapatkan manfaat daripada pendidikan formal iaitu daripada pihak KPM sendiri. Samuel Kirk (1963), mendefinisikan masalah pembelajaran sebagai kelewatan perkembangan dalam satu atau lebih daripada proses pertuturan, pembacaan, penulisan, pengiraan atau mata pelajaran di sekolah. Masalah Pembelajaran adalah apabila seseorang mengalami masalah atau kesukaran untuk pelajari sesuatu. Seringkali berlaku akibat kekurangan keupayaan kognitif atau intelek pada seseorang individu itu. Ia juga boleh berlaku hasil daripada kekurangan upaya contohnya masalah kurang penglihatan, kurang pendengaran atau masalah fizikal.

Namun, dalam kes-kes sebegini, sekiranya kekurangan upaya ini dapat di atasi, dengan penggunaan cermin mata contohnya, atau diberikan alat pendengaran seawall mungkin, serta diberi ransangan serta stimulasi awal, masalah pembelajaran di kalangan individu ini dapat dikurangkan. Tanda-tanda masalah pembelajaran, boleh dikenalpasti seawal usia tiga tahun. Seringkali ianya dikesan oleh ibu-bapa atau penjaga. Kanak-kanak yang mengalami perkembangan lewat, dalam beberapa bidang perkembangan, mempunyai risiko yang tinggi untuk mengalami masalah pembelajaran apabila remaja dan dewasa kelak.

2.0 DEFINISI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sebagai bakal seorang guru, sudah pasti kita akan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar di dalam kelas. Pengajaran dan pembelajaran yang menarik akan dapat membantu pelajar untuk memahami sesuatu topik pembelajaran dengan lebih baik. Menjadi seorang guru Pendidikan khas tidak sama seperti guru lain, hal ini kerana dalam Pendidikan khas terdapat pelbagai jenis murid berkeperluan khas yang berbeza keperluan. Oleh itu, seorang guru memerlukan pengetahuan yang banyak untuk mengajar murid berkeperluan ini. Oleh itu, saya akan menerangkan berkaitan definisi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih terperinci.

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Pengajaran akan berlangsung di dalam kelas bersama pelajar-pelajar untuk memahami topik yang diajarkan. Pengajaran yang berlangsung ini adalah dirancang oleh guru-guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai bagi mendidik, membimbing, menggalak dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperoleh ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan. Pengajaran yang berkesan akan dapat menjadikan murid berminat dan tertarik untuk mengikuti sesi pengajaran tersebut. Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan murid-murid dapat mengikuti sesi pengajaran dengan baik.

Manakala, Pembelajaran pula merupakan proses memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran". Mengikut Robert M. Gagne (1970) dalam *The Condition of Learning*, pembelajaran merupakan "perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat

dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan”. Mengikuti Woolfolk (1980) dalam *Educational Psychology for Teachers*, pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru. Pembelajaran mempunyai kaitan dengan pengajaran.

3.0 CIRI-CIRI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran itu berkesan, seorang guru perlulah memastikan kriteria atau ciri-cirinya menepati apa yang ingin disampaikan. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran yang sesuai adalah yang dapat memberi kefahaman dengan baik kepada pelajar terutamanya untuk pelajar pendidikan khas. Pengajaran dan pembelajaran mempunyai hubungan yang sangat rapat. Menurut, Sufean Hussin 2002 Lazimnya pembelajaran dikaitkan dengan pengajaran Pembelajaran khususnya di peringkat awal memerlukan bantuan dan bimbingan seorang guru atau pendidik lebih-lebih lagi bagi murid berkeperluan khas. Oleh itu, guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik.

Ciri-ciri pengajaran yang utama ialah terdapat guru dan murid. Murid adalah merujuk kepada individu yang mempelajari sesuatu perkara sama ada berbentuk pengetahuan, kemahiran, pengalaman perasaan dan lain-lain. Pihak tersebut secara mudahnya digelar sebagai murid. Tanpa murid sudah tentu proses pembelajaran atau pengalaman pembelajaran tidak akan berlaku. Oleh itu, guru dan murid perlu ada dalam sesi tersebut barulah dikira sebagai sesi pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti yang sesuai juga turut dijalankan bagi menggalakan minat dalam kalangan pelajar. Ia juga boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan cara, bermula dengan yang paling mudah kepada yang paling kompleks.

Manakala, ciri-ciri pembelajaran pula adalah merupakan proses yang berterusan sama ada dijalankan secara formal ataupun tidak formal. Secara normal adalah apabila pembelajaran tersebut mengajarkan menulis, membaca ataupun mengira di sekolah. Ramai pelajar bermasalah pembelajaran menghadapi masalah menulis. Kemahiran menulis memerlukan seseorang menterjemah pemahaman bahasa ke dalam sistem simbol. Beberapa masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak masalah pembelajaran

dalam kemahiran menulis adalah kesukaran memegang pen atau pensil, menulis huruf yang berlainan saiz, sukar mengaitkan gambar dengan perkataan dan lain-lain. Manakala, bagi pelajar Pendidikan khas yang menghadapi masalah pembacaan yang paling ketara ialah kesukaran pelajar merekod perkataan dan kurang kesedaran fonologi iaitu kekurangan kefahaman terhadap peraturan yang mengawal kesamaan antara bunyi sebenar dan huruf-huruf tertentu yang membina perkataan . Oleh itu, proses pembelajaran secara formal sangat penting untuk dikuasai oleh guru.

4.0 OBJEKTIF PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Salah satu objektif pengajaran dan pembelajaran dijalankan adalah untuk menggariskan dengan jelas arah pengajaran dan memberi panduan berkaitan tentang hala tuju pembelajaran tersebut. Hal ini kerana, sekiranya kita menjalankan pembelajaran tersebut tanpa hala tuju, sudah pasti tiada input yang akan kita dapatkan. Pembelajaran memerlukan kaedah dan proses sama ada dari yang paling mudah sehinggalah kepada yang paling kompleks. Pembelajaran boleh berlaku tanpa melalui proses pengajaran formal. Demikian juga pengajaran tidak semestinya menghasilkan pembelajaran. Namun secara lazimnya pengajaran yang baik akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Dalam situasi tertentu, terdapat pembelajaran yang tetap memerlukan proses pengajaran.

Selain itu, pengajaran dan pembelajaran juga dapat untuk membantu guru mengenalpasti apa yang hendak diajar yang dapat mereka jadikan panduan dalam membuat pemilihan kaedah atau strategi pengajaran-pembelajaran, memberi asas kepada guru dalam menilai pelaksanaan rancangan pengajaran, keberkesanan pengajaran dan pencapaian (prestasi) pelajar-pelajar, menyedarkan pelajar-pelajar tentang apa yang diharapkan dicapai oleh mereka pada akhir pembelajaran dan agar mereka lebih peka dalam mempertingkatkan pembelajaran. Hal ini agar mampu memberikan kefahaman kepada mereka serta pengajaran dan pembelajaran ini juga penting untuk menyedarkan semua pihak yang terlibat dalam pendidikan bahawa segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan itu tidak dilakukan secara sambil lewa atau sewenang-wenangnya.

Pengajaran mempunyai pelbagai pendekatan seperti pengajaran berasaskan guru, berasaskan pelajar, berasaskan hasil dan berasaskan proses. Demikian juga dengan pembelajaran mempunyai pelbagai pendekatan dan kaedah. Pendekatan pengajaran perlu disesuaikan dengan pendekatan pembelajaran. P&P adalah satu proses interaksi yang berterusan di antara pelajar dan guru. Proses interaksi ini boleh berpusatkan pelajar atau berpusatkan guru. P&P adalah satu proses interaksi yang berterusan di antara pelajar dan guru. Proses interaksi ini boleh berpusatkan pelajar atau berpusatkan guru.

5.0 KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI MASALAH PEMBELAJARAN MENGIKUT JENIS KEPERLUAN KHAS

5.1 SINDROM DOWN

Sindrom Down merupakan penyakit keturunan yang disebabkan oleh berlakunya pertambahan secara semulajadi pada kromosom 21 semasa pembentukan bayi di dalam perut. Pertambahan pada kromosom 21 ini dikatakan demikian kerana, bagi seseorang individu yang normal, hanya terdapat 2 salinan kromosom dalam satu sel. Dimana nanti, akan menghasilkan kromosom yang normal iaitu 46-unit dengan 22 kromosom kariotip dan sepasang kromosom seks. Namun begitu, bagi kanak-kanak Sindrom Down, mereka memiliki tiga salinan kromosom yang menyebabkan mereka mempunyai 47-unit kromosom secara keseluruhannya. Disebabkan oleh keabnormalan yang berlaku ini, mereka akan cenderung untuk mempunyai masalah-masalah kesihatan, perkembangan kognitif yang lemah dan ciri-ciri fizikal yang lain daripada kanak-kanak norma yang lain. Namun begitu, pada masa kini, kita boleh membuat pengesanan awal mengenai masalah ini sejak bayi masih di dalam perut lagi. Antara ujian yang boleh dilakukan semasa tempoh kehamilan ibu adalah dengan membuat pemeriksaan ultrasound, analisis cecair mentuban atau melalui ujian darah. Pengesanan ini dilakukan agar ibubapa bersedia dengan keadaan bayi yang bakal dilahirkan dan bagi mencegah berlaku perkara ini.

Terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan berlakunya bayi yang mempunyai masalah Sindrom down. Antaranya adalah disebabkan oleh usia ibu ketika sedang mengandung bayi. Hal ini demikian kerana, menurut Fatimah, apabila usia ibu meningkat, sel pembiakan wanita sudah sedia ada sesaat pada embrio, kualiti ovum terjejas dan ovari semakin hilang kefungsiannya. Oleh itu beliar menyarankan agar ibu membuat pemeriksaan secara konsisten sebelum hamil dan dinasihatkan untuk membuat diagnosa Sindrom Down. Hal ini bagi mencegah kelahiran bayi Sindrom Down dari peringkat awal. Faktor yang kedua adalah faktor genetik iaitu Trisomi 21, translokasi dan mosaicism. Dimana ia disebabkan oleh kegagalan pembelahan sel gamet. Terdapat beberapa ciri bagi individu Sindrom Down tanpa mengira aspek umur, warna kulit dan faktor geografi. Antaranya ialah tubuh yang pendek, raut wajah yang rata dengan kedudukan mata sedikit ke atas, lidah terjelir, satu garis lurus di tapak tangan, tangan yang besar, jari tangan yang pendek, jari kaki yang mempunyai jurang besar antara ibu jari kaki dengan jari kedua, pertumbuhan yang lambat, keimunan badan yang lemah, kesukaran belajar dan bertutur. Disebabkan ciri ini, semua individu dengan Sindrom down kelihatan sama dari segi fizikal.

Walaupun kanak-kanak mempunyai masalah ini, namun mereka masih layak untuk menerima pendidikan sama seperti kanak-kanak normal. Bagi kanak-kanak Sindrom Down, terdapat beberapa kaedah yang boleh kita digunakan bagi membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah yang pertama adalah melalui kaedah visual. Kaedah visual ini sesuai digunakan bagi individu SD yang mempunyai masalah verbal atau komunikasi. Hal ini demikian kerana, ia dapat membantu kanak-kanak SD untuk lebih mudah belajar, membaca dan meningkatkan daya ingatan mereka. Semasa menggunakan kaedah ini, kanak-kanak akan didedahkan dengan situasi sebenar atau autentik. Hal ini demikian kerana, untuk mengajar menggunakan kaedah ini, hendaklah bersama ilustrasi. Misalnya, murid belajar mengenai bunyi haiwan. Jadi guru akan melakonkan haiwan dan bunyi haiwan tersebut. Pengalaman murid semasa di dalam kelas ini akan membantu mereka untuk lebih mudah mengingat dan membaca. Seterusnya adalah kaedah ABM. Ketika menyediakan ABM, ia hendaklah menarik dan tidak membosankan murid. Misalnya, untuk mengajar murid mengenai buah-buahan, guru menyediakan ABM seperti buah plastik atau sebenar

untuk dibawa ke kelas. Melalui cara ini mereka dapat menggunakan deria mereka untuk melihat, merasa dan menyentuh. Jadi, melalui cara ini, mereka akan lebih faham apa yang dipelajari. Langkah ketiga adalah menggunakan kaedah mengajar berperingkat iaitu dari yang mudah kepada yang susah. Misalnya dalam subjek Matematik, murid diajar untuk mengenal nombor terlebih dahulu sebelum diajar untuk menyelesaikan masalah melibatkan tambah, tolak, bahagi dan darab. Kaedah yang keempat adalah kaedah deria. Kaedah deria biasanya dilakukan dengan caea, guru menulis pada tapak tangan murid. Melalui penulisan tersebut, deria mereka akan dirangsang untuk mencari nombor atau abjad yang sama pada tulisan atau nombor timbul. Kaedah kelima adalah melalui kaedah lagu. Kanak-kanak SD sememangnya suka akan aktiviti seperti menyanyi. Oleh itu, guru boleh mengubah pembelajaran kepada lagu kerana akan berlaku konsep pengulangan semasa menyanyi. Sebagai contoh, guru mengajar murid tentang topik menguruskan diri melalui lagu kanak-kanak yang sedia ada, seperti dari koleksi nyanyian kanak-kanak Didi & Friends. Akhirnya adalah dengan menggunakan permainan. Kaedah permainan sesuai untuk kanak-kanak Sindrom Down bagi meningkatkan kemahiran motor halus sekaligus pembelajaran mereka. Dimana semasa guru mengajar berkaitan motor halus, guru dapat menyelitkan pendidikan. Sebagai contoh, ketika murid bermain dengan tanah liat, guru meminta murid untuk membentuk abjad atau nombor. Jadi melalui cara ini, motor halus dan masalah pembelajaran dapat diperbaiki.

5.2 AUTISME

Autisme adalah kecelaruan perkembangan yang berlaku segii neurologi dan jarang berlaku dari segi fizikal kanak-kanak. Namun begitu, ia membawa kepada impak yang teruk terhadap perkembangan dan kemampuan komunikasi, tingkah laku serta interaksi sosial seseorang dengan orang sekelilingnya. Hal ini demikian kerana, individu dengan yang menghidap autisme biasanya mempunyai ruang lingkup yang kecil kerana imaginasi mereka mempunyai had. Oleh itu mereka gemar melakukan sesuatu kebiasaan secara berulang. Perkara ini mengelakkan berlaku pertindihan maklumat yang menyebabkan ketidakselesaian atau tantrum apabila mereka mengubah

cara atau rutin harian. Namun begitu, sehingga hari ini, faktor dan penawar bagi autisme belum lagi diketahui dan dijumpai secara saintifik. Autisme juga cenderung untuk dialami oleh kanak-kanak lelaki. Iaitu dengan kecenderungan sebanyak 4x ganda berbanding kanak-kanak perempuan. Antara tanda-tanda awal bagi individu autisme adalah tiada atau lemah perhubungan mata dengan orang lain, tiada tindak balas apabila dipanggil namun mereka tidak pekak, lebih suka bersendirian, sukar memulakan perbualan, rutin atau turutan yang spesifik (tidak fleksibel), melakukan pergerakan badan berulang dan obses terhadap sesuatu objek misalnya kertas. Mereka juga mudah terganggu dengan persekitaran. Hal ini demikian kerana, sensitiviti deria mereka yang lebih ekstrim atau dikenali sebagai *sensory-overload*. Iaitu sensitif terhadap bunyi, rasa, rupa atau bau. Contohnya, mereka akan mengalami tekanan atau tantrum apabila mereka berada di tempat yang terlalu bising. Ini menunjukkan sensitiviti yang ekstrim terhadap bunyi.

Namun begitu, terdapat juga kaedah untuk menyelesaikan masalah pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak ini. Namun kaedah tersebut harus disertakan dengan strategi seperti strategi untuk meningkatkan kemahiran interaksi sosial, komunikasi dan kemahiran sendiri, strategi sokongan sendiri, kaedah pengurusan dan akomodasi persekitaran serta intervensi tingkah laku positif. Melalui strategi ini, guru membuat pemilihan kaedah yang sesuai untuk murid. Antara kaedah yang boleh digunakan adalah *Picture Exchange Communication System (PECS)*. Kaedah ini merupakan kaedah yang menggunakan *flash card* untuk mengajar kanak-kanak. Kaedah *Applied Behaviour Analysis (ABA)* juga boleh digunakan untuk (SI)membantu murid dalam pembelajaran. Hal ini demikian kerana, ia berfokus kepada mengurangkan tingkah laku berlebihan murid. Melalui cara ini, setelah tingkah laku berlebihan murid berkurangan maka, guru dapat mengajar murid mengikut tahap kesediaan mereka. *Applied Verbal Behaviour (AVB)* turut boleh digunakan. Hal ini demikian kerana, kaedah ini membantu dalam bagaimana bahasa berkembang dan situasi tingkah laku wujud. Jadi ia sesuai untuk mengajar kanak-kanak dalam perkembangan bahasa dan tingkah laku.

Bagi kanak-kanak yang mempunyai masalah verbal, guru boleh menggunakan kaedah *Treatment and Education of Autistic and Related Communication Handicapped*

Children (TEACCH). Hal ini demikian kerana, dalam kaedah ini verbal kurang digunakan tetapi lebih banyak menggunakan kad bergambar dan persekitaran yang sesuai dengan kanak-kanak. Melalui cara ini murid autisme yang kurang verbal, boleh mengungkapkan pemikiran atau pembelajaran melalui kad bergambar. Selain kaedah tersebut guru juga boleh menggunakan Terapi Integrasi Sensori (SI). Hal ini demikian kerana, melalui terapi ini murid akan bermain dengan pelbagai tekstur seperti tanah liat dan duduk di atas bola besar. Melalui cara ini, dapat membantu meningkatkan motor sensori, motor halus dan kemahiran pengurusan diri murid. Dimana guru menyelitkan pendidikan kepada murid ketika melakukan terapi. Kaedah seperti *how to takes turn* juga boleh digunakan bagi mengajar murid untuk meminta sesuatu dengan beratur, bersabar dan mampu bersabar. Bagi mendidik kanak-kanak autisme, guru juga boleh menggunakan kaedah alunan muzik atau lagu. Hal ini bagi melatih kebolehan tindak balas mereka terhadap sesuatu yang mudah. Kemudian, sebelum menamatkan aktiviti, guru hendaklah memberikan pembayang awal kepada murid. Hal ini demikian bagi mengelakkan mereka tantrum.

5.3 HIPERAKTIF

Menurut portal rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, dari segi bahasa perubatan hiperaktif lebih dikenali sebagai *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*. ADHD merupakan masalah perkembangan yang berlaku pada kanak-kanak apabila mereka dikenalpasti mempunyai masalah tumpuan dan bersifat sangat aktif pada masa yang sama. Hiperaktif ini sering dialami oleh kanak-kanak lelaki berbanding kanak-kanak perempuan dan simptom dapat dilihat sebelum kanak-kanak berusia 7 tahun. Antara faktor berlakunya hiperaktif adalah faktor persekitaran iaitu varians mempunyai simptom mungkin disebabkan terdedah dengan asap rokok, alkohol atau plumbum. Selain itu, ia juga disebabkan oleh faktor genetik iaitu 75% diwarisi bersama dengan faktor yang lain. Ia juga disebabkan oleh faktor sosial seperti ketidakfungsian keluarga, kurang pendidikan, situasi anak angkat keganasan atau penderaan. Ciri-ciri bagi hiperaktif dikategorikan mengikut jenis hiperaktif yang dialami. Bagi hiperaktif jenis tiada atau kurang tumpuan (ADD), kanak-kanak tidak berhati-hati, bermasalah dalam mengekalkan tumpuan, mengelak sesuatu yang memerlukan berfikir untuk jangka masa lama dan mudah tertarik pada perkara lain.

Bagi hiperaktif , kanak-kanak akan selalu menggerakkan tangan atau kaki, bangun ketika mereka perlu duduk, berlari pada masa dan tempat yang tidak sesuai, sentiasa bersikap ingin ‘pergi’ dan bercakap secara berlebih-lebihan tanpa memikirkan perasaan orang lain. Bagi jenis impulsif pula, ciri-ciri mereka adalah cepat baran, menjawab soalan sebelum ditanya, bermasalah ketika menunggu giliran dan mengganggu orang yang lain.

Sebelum memilih kaedah pengajaran bagi masalah hiperaktif, guru hendaklah mengenalpasti terlebih dahulu, jenis hiperaktif yang dialami oleh kanak-kanak. Kemudian, guru boleh sesuaikan kaedah pengajaran selaras dengan kemampuan murid. Antara kaedah yang boleh digunakan adalah pendekatan belajar melalui analisis tugas. Dalam kaedah ini, guru membahagi kemahiran kepada beberapa bahagian yang mudah dikuasai murid kemudian mengajar secara berperingkat kepada murid. Bagi menambahkan penerapan, guru hendaklah melakukan latihan kepada murid secara konsisten. Seterusnya, guru juga boleh menggunakan kaedah belajar melalui bermain. Dimana guru menerapkan pembelajaran didalam permainan murid. Sebagai contoh, guru membawa murid bermain ibu ayam dan helang. Diakhir permainan, guru meminta murid mengira bilangan anak ayam (rakan) yang dapat diselamatkan daripada helang. Jadi melalui permainan ini, murid dapat mencuba atau belajar sesuatu yang baru.

Seterusnya, pembelajaran bertema juga boleh dilakukan. Namun begitu, guru harus memastikan persekitaran adalah sesuai, tahap murid, situasi yang dipilih sesuai dengan situasi dan peristiwa serta haruslah dari peringkat yang mudah kepada sukar. Hal ini demikian kerana, terdapat kanak-kanak yang tidak mampu untuk mengikuti pembelajaran jika ia sangat sukar dan tiada kaitan dengan murid. Disamping itu, guru boleh menjalankan pembelajaran melalui pengalaman iaitu berkaitan dengan kesediaan dan keupayaan kanak-kanak. Misalnya mereka diajar oleh guru untuk membuat pastri. Jadi, mereka mempunyai pengalaman dan mereka mampu mengikuti pembelajaran. Tambahan, guru boleh membantu murid dengan menggunakan pendekatan kolaborasi. Iaitu, latihan kemahiran kerja, latihan dalaman, latihan melibatkan aktiviti luar kelas atau sekolah, latihan kerja sebenar dan aktiviti luar bilik darjah seperti perkhemahan. Melalui cara ini, banyak kemahiran dan pembelajaran yang mereka perolehi. Akhirnya, dalam membantu pembelajaran murid, guru boleh menggunakan kaedah ganjaran dan

hukuman. Contohnya dengan cara, token ekonomi dan time-out. Dimana perkara ini membantu membentuk tingkah laku murid sekaligus membantu murid untuk fokus, mengikuti dan menerima pembelajaran.

Jadi jelaslah bahawa, setiap permasalahan mempunyai cara penyelesaiannya. Begitu juga dengan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh kanak-kanak hiperaktif, sindrom down mahupun autisme. Semuanya bergantung kepada kaedah yang dipilih dan kreativiti guru untuk menyesuaikan kaedah tersebut mengikut keupayaan dan kesediaan murid. Hal ini demikian kerana, dalam perkara ini, guru merupakan individu yang lebih banyak mengetahui perkembangan kanak-kanak dari segi pembelajaran. Oleh itu, guru memainkan peranan penting membantu murid-murid.

5.4 KERENCATAN AKAL / MENTAL

Kerencatan akal atau kerencatan mental merupakan kecacatan umum yang biasanya dikenal pasti berdasarkan ketidakfungsian kognitif secara normal, iaitu kefungsian kognitif yang sering terganggu dan menunjukkan tingkah laku yang tidak bersesuaian dengan manusia normal pada individu bawah usia 18 tahun. Kebiasaannya juga, murid-murid yang dikategorikan mengalami kerencatan akal merupakan murid-murid yang mempunyai tahap IQ yang rendah dan perkembangan mereka terbantut daripada beberapa aspek perkembangan seperti aspek kognitif, emosi, psikomotor dan juga komunikasi.

Menurut Evans (1983), kerencatan akal atau kerencatan mental didefinisikan berasaskan pada tiga elemen utama. Pertama ialah mereka yang mengalami kerencatan mental tidak dapat belajar secepat orang yang normal. Kedua, mereka yang mempunyai masalah mental terencat tidak dapat menyimpan maklumat sebaik mereka yang normal dan yang terakhir ialah mereka yang mengalami kerencatan mental lazimnya tidak dapat memahami dengan jelas dan sukar untuk menggunakan maklumat yang diperlukan daripada sesuatu situasi kepada situasi lain.

Definisi yang lebih tepat dan telah diterima pakai oleh orang ramai ialah definisi yang dikemukakan oleh American Association on Mental Retardation (AAMR).

AAMR mendefinisikan kerencatan akal sebagai kefungsiian intelektual yang tidak selari dengan tingkah laku adaptif yang dapat dilihat sepanjang tempoh perkembangan murid-murid tersebut. AAMR merupakan sebuah organisasi tertua dan terbesar di dunia yang terdiri daripada ahli profesional dalam bidang kerencatan mental. Oleh itu, kefungsiian intelektual dan tingkah laku adaptif harus dilihat pada seseorang sebelum mengklasifikasikannya sebagai kerencatan mental.

KATEGORI KERENCATAN AKAL

Kategori kerencatan akal ini merupakan cacat akal ringan yang terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Adiot, Imbersil, Moron dan lembab. Mereka yang mengalami kerencatan akal Adiot tidak dapat melindungi diri daripada bahaya fizikal dan mungkin boleh mencederakan diri sendiri. Seterusnya, Imbersil pula adalah mereka yang tidak boleh menguruskan diri sendiri tetapi masih boleh dilatih. Jean Marc Gaspard (1798), mengatakan keupayaan mental boleh ditingkatkan melalui teknik pengajaran dan pembelajaran yang sama. Manakala Asmual Gridley Howe (1848, memberi pendapat agar membina institusi keluarga mahupun di sekolah dapat meningkatkan tahap akal murid ini. Di samping itu, Moron bagi mereka yang memerlukan jagaan, kawalan dan tunjuk ajar khas. Hal ini kerana perkembangan mentalnya hanya 23% daripada kadar biasa murid normal atau di bawah tahap 90%. Selain itu, mereka bergerak dengan lambat dan lambat bercakap. Akhir sekali ialah Lembab. Lembab ialah mereka yang lambat menerima pengajaran dan pembelajaran serta sukar sesuaikan diri dengan situasi sekolah biasa. Oleh itu, Pendidikan khas perlu diberikan kepada mereka.

CIRI – CIRI KERENCATAN AKAL

Masalah terencat akal ini terbahagi kepada beberapa ciri antaranya ialah aspek kognitif, aspek bahasa, aspek sosial, aspek tingkah laku serta aspek fizikal dan aspek kesihatan. Dari aspek kognitif, kanak-kanak terencat akal mempunyai masalah ingatan seperti kerap terlupa perkara-perkara sepenuhnya yang dilakukan atau lupa perkara yang baru diajar. Selain itu, metakognisi adalah kebolehan untuk berfikir. Sekiranya menghadapi sesuatu masalah dalam rutin harian, mereka akan menghadapi kesukaran

menyelesaikannya. Mereka juga mengalami masalah motivasi rendah yang seperti tidak mahu meneruskan sesuatu tugas dan mudah berputus asa.

Seterusnya, kebanyakan kanak-kanak terencat akal ini menghadapi masalah kelewatan dalam perkembangan bahasa. Contohnya, mengambil masa yang lama hanya untuk memahami konsep mudah seperti konsep atas, tepi, bawah dan sebagainya. Dari aspek fizikal, kanak-kanak ini mempunyai ciri-ciri fizikal yang sama seperti kanak-kanak normal iaitu dari segi pertumbuhan bahagian-bahagian badan. Walau bagaimanapun, mereka ini terdapat kekurangan dalam menggunakan motor halus. Kanak-kanak ini lambat menguasai kemahiran motor halus. Oleh itu, ibu bapa atau guru perlulah memantau perkembangan motor halus mereka.

Di samping tu, dari aspek sosial kebanyakan murid terencat akal menghadapi kesukaran dalam hubungan sosial. Kebiasaannya mereka kurang diterima oleh rakan sebaya dan mungkin diketepikan. Keadaan ini disebabkan murid ini berkelakuan tidak matang, tidak mempunyai masalah menguasai sosial sehingga mereka kerap kali salah tafsir aksi-aksi murid. Kanak-kanak ini juga mempunyai ciri dari aspek tingkah laku yang khusus. Antaranya adalah seperti mahukan ganjaran tertentu, menarik rambut, menggigit atau tabiat suka mencederakan diri. Mereka perlukan perhatian akibat daripada perasaan kesunyian, kemurungan dan juga kemahiran sosial. Kanak-kanak ini sering mempamerkan kepayahan untuk memberi tumpuan atau fokus dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku. Mereka juga sukar menyiapkan tugas dan mudah membuat kesalahan disebabkan kecuaiian serta sering menunjukkan tingkah laku yang sering mengganggu rakan.

Akhir sekali, dari aspek kesihatan. Kanak-kanak terencat akal ini mempunyai masalah sampingan selain kecacatan yang dialami. Misalnya, kanak-kanak Sindrome Down menunjukkan ciri-ciri kelainan pada muka, jari dan badan serta penyakit-penyakit seperti jantung berlubang dan paru-paru. Dalam proses pembelajaran, murid terencat akal selalunya perlu bekerja lebih keras, membuat latihan yang banyak dan memerlukan masa yang lama berbanding murid normal. Mereka juga akan menghadapi masalah pencapaian akademik yang rendah.

KAEDAH PENGAJARAN

Terdapat beberapa kaedah untuk mengajar murid–murid yang mengalami masalah kerencatan akal. Kaedah pertama ialah analisis tugas. Melalui pendekatan analisis tugas, sesuatu kemahiran yang perlu diajar hendaklah jelas dan dirancang dengan terperinci serta dibahagikan kepada bahagian–bahagian kecil. Bahagian–bahagian kecil ini pula hendaklah disusun mengikut urutan yang mudah agar ia dapat membantu meningkatkan kefahaman murid–murid tersebut. Bagi setiap tugas, guru mestilah menetapkan tempoh masa untuk seseorang murid tersebut menguasainya.

Kaedah kedua ialah penilaian. Kaedah ini haruslah dilakukan untuk memastikan sama ada sesuatu bahagian kecil itu telah dikuasai atau tidak. Sekiranya penilaian tidak dilakukan, maka kesilapan yang dilakukan oleh seseorang murid tidak dapat dikesan dan diperbetulkan. Jika dibiarkan, perkara ini akan menyebabkan seseorang murid akan terus melakukan kesilapan tersebut tanpa mengetahuinya. Hal ini boleh membawa kesan yang buruk kepada murid tersebut.

Seterusnya, ialah kaedah gerak balas aktif. Kaedah ini menentukan sama ada seseorang murid itu terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran atau tidak, maka setiap gerak balas murid tersebut perlulah dicatatkan. Contohnya, bilangan perkataan yang dapat disebut, bilangan masalah matematik yang Berjaya diselesaikan dan bilangan ayat yang Berjaya ditulis oleh murid tersebut. Strategi pengajaran perlulah dirancang untuk menggalakkan semua murid supaya terus memberi respons positif dan perkara ini perlu dipantau dengan rapi supaya maklum balas yang bermakna dapat diberikan.

Selain itu, kaedah maklum balas turut digunakan. Murid yang mengalami masalah kerencatan mental atau akal juga sangat memerlukan maklum balas tentang usaha ataupun tindakan mereka dengan serta–merta. Maklum balas bagi tingkah laku ataupun jawapan yang betul biasanya boleh dilakukan melalui pujian ataupun dalam bentuk penegasan positif lain. Bagi jawapan yang salah, murid tersebut perlu diberi galakan dan peluang untuk membetulkannya. Maklum balas yang diberikan tersebut hendaklah tepat, dalam kadar serta merta, dalam bentuk positif dan tempoh masa yang kerap.

Kaedah yang terakhir ialah pemindahan pembelajaran. Pemindahan pembelajaran biasanya berlaku apabila sesuatu kemahiran atau tingkah laku yang telah dipelajari dapat digunakan dalam situasi yang berlainan. Ia juga merupakan salah satu cara untuk memberi peluang kepada murid–murid untuk mengamalkan sesuatu kemahiran dalam situasi berlainan. Sebagai contoh, murid–murid dibawa ke padang permainan untuk mempraktikkan kemahiran yang dipelajari di dalam bilik darjah.

5.4 DISLEKSIA

Murid–murid disleksia merupakan mereka yang mengalami kesukaran bahasa. Hal ini kerana mereka tidak dapat menterjemahkan lambang–lambang bertulis dengan betul sama ada dalam bentuk huruf itu sendiri, dalam suku kata ataupun perkataan–perkataan. *Dyslexia* berasal daripada gabungan dua perkataan Yunani iaitu *dys* yang bermaksud kesukaran atau kesusahan dan *lexis* yang bermakna bahasa atau pertuturan. Jika digabungkan membawa maksud kesusahan atau kesukaran dalam bahasa.

Selain itu, murid–murid disleksia juga menghadapi kesukaran untuk menulis, mengeja dan membaca. Namun begitu tidak ramai yang menyedari hal tersebut dan melabelkan mereka ini sebagai bodoh, malas dan lembab. Hampir semua sekolah terdapat murid–murid yang mempunyai ciri-ciri disleksia, yang membezakan ialah tahap disleksia mereka sama ada ringan, sederhana ataupun teruk. Intervensi awal harus diberikan kepada murid-murid disleksia untuk mengawal kesukaran-kesukaran yang dialami.

Seterusnya, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia juga mempunyai definisinya yang tersendiri terhadap murid-murid disleksia. Kementerian Pelajaran Malaysia mendefinisikan murid-murid disleksia sebagai murid-murid yang mengalami masalah pembelajaran yang mempunyai kecerdasan mental yang searas atau melebihi murid-murid biasa tetapi mempunyai kesukaran atau kelemahan yang tinggi dalam kemahiran mengeja, membaca dan menulis.

CIRI-CIRI DISLEKSIA

Murid–murid disleksia biasanya mempunyai ciri-ciri seperti bermasalah dalam ejaan, ingatan, membaca, menyalin nota, penomboran dan visual motor.

Antara ciri-ciri murid disleksia ialah mempunyai masalah dalam sebutan (fonologi) dan ejaan, iaitu murid-murid ini tidak dapat menyebut perkataan bertulis, berbeza seperti murid-murid ADHD (*Attention Deficit Disorder*) yang boleh menyebut perkataan dengan tepat. Penghidap disleksia juga mempunyai kesukaarn untuk membunyikan vocal dan selalu meninggalkannya, seperti *could* dieja *cold*. Selain itu, murid-murid ini menghadapi masalah ingatan jangka pendek. Mereka juga mengalami kesulitan untuk mengumpul maklumat dalam otak. Murid-murid ini merasakan seolah-olah ada terlalu banyak perkataan berpusing-pusing dalam otak mereka. Murid-murid disleksia juga gagal untuk menyusun sesuatu maklumat. Mereka cuba menulis perkara yang difikirkan tetapi tidak dapat memindahkan fikiran daripada otak kepada tangan untuk ditulis semula. Mereka juga mengalami masalah ingatan tentang susunan hari, bulan, tahun dan lain-lain.

Seterusnya, murid-murid disleksia juga mempunyai masalah membaca, mereka mungkin membaca terlalu cepat dengan sebutan tidak tepat atau membaca lambat dan terputus-putus. Hal ini disebabkan kesan kekaburan, kesan keterbalikan, kesan lingkaran cahaya, kesan bergoyang, kesan seperti runtuh, kesan putaran ataupun variasi perkataan. Penghidap disleksia juga sering salah apabila menyebut perkataan yang mempunyai huruf pertama dan terakhir sama, contohnya *form* disebut *from*. Mereka juga tiada intonasi semasa membaca dan tidak mempedulikan tanda bacaan. Murid-murid disleksia juga menghadapi masalah untuk menyalin dan menulis karangan mereka. Mereka lambat dalam menyalin dan melakukan banyak kesilapan. Penyampaian murid-murid ini juga tidak konsisten. Hal ini kerana mereka keliru dengan abjad dan menulis terbalik. Sebagai contoh, “b” dengan “d”, “a” dengan “c”, “m” dengan “w” dan “p” dengan “q”.

Di samping itu, murid-murid disleksia menghadapi masalah dalam penomboran. Hal ini kerana bagi mereka semua nombor adalah sama. Oleh itu, mereka sering tersilap dalam menulis nombor. Akhir sekali, murid-murid disleksia mengalami

masalah dalam visual motor. Mereka memegang pensel dengan cara luar biasa, iaitu meletakkan ibu jari di atas jari telunjuk semasa menulis dan juga sering memegang pensel dengan kuat sehingga mengalami kesakitan pada jari. Mereka juga suka meletakkan kepala di atas meja untuk melihat hujung mata pensel semasa menulis serta sukar untuk menulis di atas garis lurus.

KAEDAH PENGAJARAN

Terdapat beberapa pendekatan pengajaran yang perlu dipraktikkan oleh guru untuk mengajar dan mendidik murid-murid disleksia. Antara perkara yang perlu diambil perhatian oleh guru untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran ialah susunan fizikal kelas, papan tulis, pembelajaran di dalam bilik darjah, lembaran kerja atau kertas peperiksaan dan tulisan murid disleksia.

Bagi susunan fizikal kelas, murid-murid disleksia perlu ditempatkan di hadapan kelas. Melalui cara ini, hubungan mata dapat diadakan dan guru juga berupaya mengawasi perbuatan yang dilakukan oleh murid-murid ini secara berterusan. Cara ini juga menyebabkan peluang untuk murid-murid itu tertarik pada perkara lain menjadi kurang. Murid-murid disleksia juga perlu ditempatkan di sebelah murid cerdas yang mempunyai sifat prihatin dan bersedia untuk membantu, namun kedudukannya masih perlu di sekitar barisan hadapan. Guru juga boleh mengecualikan murid tersebut daripada menyalin soalan supaya mereka mempunyai banyak masa untuk menyiapkan latihan.

Selain itu, guru mestilah menggunakan papan tulis dengan betul. Proses menyalin daripada satu permukaan vertikal ke permukaan horizontal adalah sesuatu yang sukar untuk dilakukan oleh murid-murid disleksia. Sehubungan dengan itu, guru perlu memberi perhatian supaya murid-murid ini tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk menyalin nota. Sekiranya murid-murid itu menyalin daripada papan tulis, guru perlu menyemaknya untuk memastikan tiada kesilapan dalam penulisan mereka dan murid-murid ini juga perlu diletakkan berhadapan dengan papan tulis.

Seterusnya, walaupun guru tidak dapat membuat pilihan berhubung sukatan pelajaran dan kurikulum, guru masih dapat menentukan jumlah bahan yang terlibat

serta sedalam mana sesuatu topik itu perlu dikuasai oleh murid-murid disleksia. Guru juga perlu mengurangkan tugas ataupun latihan yang tidak perlu kepada murid-murid disleksia supaya mereka mempunyai banyak masa untuk menyiapkan latihan yang sepatutnya. Pembelajaran di dalam bilik darjah ini perlulah dilakukan dengan baik oleh guru agar murid-murid disleksia tidak keliru. Penghargaan peneguhan perlulah diberi kepada murid-murid disleksia apabila mereka dapat menyiapkan sesuatu tugas atau latihan. Kemudian, perkara yang dianggap remeh seperti penulisan tarikh, tanda bacaan dan sebagainya perlu diterangkan sejelas-jelasnya kerana murid-murid disleksia tidak dapat belajar ataupun tahu dengan sendiri.

Di samping itu, lembaran kerja atau kertas peperiksaan perlulah dirancang dengan teliti dan baris antara tulisan perlu dijarakkan dengan sewajarnya. Antara cara lain ialah membesarkan tulisan khusus untuk murid-murid disleksia supaya kesilapan dapat dikurangkan. Murid-murid disleksia ini juga perlu diberikan masa tambahan untuk menyiapkan tugas, ujian atau peperiksaan pada semua peringkat.

Akhir sekali, hampir semua murid yang mengalami disleksia bukan sahaja menghadapi masalah membaca, bahkan juga masalah menulis. Setakat memberitahu ataupun menulis komen tentang tulisan mereka tidak membawa banyak perubahan. Murid tersebut perlu dibimbing bagi membuat perubahan pada gaya tulisannya. Oleh itu, langkah-langkah bagi membantu memperbaiki tulisan murid disleksia dapat dilakukan oleh guru seperti meminta murid tersebut menulis nota atau latihan sambil diperhatikan oleh guru. Guru juga perlu mengenal pasti aspek kelemahan dalam tulisan murid tersebut dan merancang satu program individu khusus untuk murid itu.

6.0 KEPENTINGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran terhadap murid berkeperluan khas sangat penting bagi memastikan mereka mendapat pendidikan yang baik. Pengajaran dan pembelajaran kepada murid berkeperluan khas sangat penting bagi menjamin mereka mendapat hak yang sama rata dalam pendidikan sama seperti murid-murid arus perdana yang lain.

Antara kepentingan pengajaran dan pembelajaran terhadap murid berkeperluan khas masalah pembelajaran ialah dapat meningkatkan keyakinan dalam diri mereka. Disebabkan oleh ketidakupayaan yang dialami murid tersebut menyebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan diri dalam melibatkan diri sama ada dalam akademik mahupun kokurikulum. Keadaan ini menyebabkan mereka memilh untuk tidak menonjolkan diri mereka di dalam kelas dan sering bersendirian dalam dunia yang dicipta oleh mereka sendiri. Oleh itu, melalui pengajaran dan pembelajaran yang diajarkan akan meningkatkan keyakinan diri mereka dalam pelajaran bagi mencapai potensi yang optimun.

Selain itu, kepentingan pengajaran dan pembelajaran terhadap murid berkeperluan khas juga ialah dapat meningkatkan taraf pendidikan murid pendidikan khas. Hal ini demikian kerana, taraf pendidikan murid berkeperluan khas ini tidak ditekankan oleh Kementerian Pendidikan di negara ini. Hal ini juga, terdapat segelintir masyarakat memandang remeh terhadap pendidikan murid berkeperluan khas. Mereka menganggap bahawa pendidikan kepada murid keperluan khas ini tidak penting. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran melalui pendidikan inklusif sama ada penuh atau separa penuh dapat meningkatkan lagi taraf pendidikan murid berkeperluan khas ini.

Seterusnya, pengajaran dan pembelajaran juga penting bagi memastikan tahap perkembangan kognitif murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran memberi peluang kepada murid-murid berkeperluan khas untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan bersama-sama dengan murid normal yang lain. Apabila murid-murid berkeperluan khas ini belajar Bersama-sama murid normal, mereka dapat melatih kemahiran komunikasi dua hala di mana murid berkeperluan khas akan cuba berinteraksi bersama murid normal. Secara tidak langsung mereka akan dapat menambahkan perbendaharaan kata mereka. Mereka akan mempelajari perkataan-perkataan baru daripada murid yang lain. Selaras dengan kajian oleh Mohd Mokhtar et al. (2010) yang menggunakan aktiviti rekreasi dalam melaksanakan program inklusif. Murid berkeperluan khas akan dapat berinteraksi dengan rakan-rakan yang lain semasa aktiviti dan sekaligus memperbanyakkan kosa kata mereka. Malah, melalui pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan inklusif akan menyediakan lebih banyak peluang kepada murid-murid pendidikan khas untuk berdikari dan memperolehi peluang

pekerjaan. Pendidikan inklusif ini memberi peluang kepada mereka untuk berada dalam persekitaran masyarakat yang sebenar dan situasi ini akan membantu mereka melatih diri berhadapan dengan kehidupan masa depan kelak (Zaharah, 2013).

Di samping itu, kepentingan pengajaran dan pembelajaran terhadap murid berkeperluan khas juga dapat meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan. Melalui pembelajaran ini, murid berkeperluan khas masalah pembelajaran ini dapat menimba ilmu pengetahuan seperti ilmu pengetahuan tentang penjagaan diri, ilmu pengetahuan tentang berdikari dan pengurusan sendiri. Hal ini demikian kerana, guru-guru pendidikan khas akan memberi pendedahan tentang cara-cara mengurus diri, penjagaan kebersihan diri dan kemahiran hidup terhadap murid berkeperluan khas masalah pembelajaran ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran dan pembelajaran juga penting kepada murid berkeperluan khas masalah pembelajaran dalam meningkatkan kemahiran sosial dalam diri mereka. Hal ini demikian kerana, melalui pengajaran dan pembelajaran berlaku komunikasi dua hala antara guru dengan murid atau murid dengan murid. Keadaan ini menyebabkan berlaku komunikasi yang akan menyebabkan murid tersebut dapat bersosial dengan murid yang lain di dalam kelas tersebut. Oleh itu, murid tersebut dapat menguasai kemahiran sosial secara tidak langsung melalui pengajaran dan pembelajaran tersebut.

7.0 PERBEZAAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID BERKEPERLUAN KHAS DENGAN MURID NORMAL

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan kepada murid berkeperluan khas adalah berbeza-beza mengikut ketidakupayaan yang dihadapi oleh murid khas tersebut. Hal ini demikian kerana setiap kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diajar adalah mengikut tahap kognitif dan kebolehpayaan murid tersebut untuk menerima pembelajaran.

Antara kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan kepada murid berkeperluan khas ialah program pendidikan inklusif penuh. Program Pendidikan Inklusif penuh ini di mana murid berkeperluan khas akan belajar bersama-sama dengan

murid arus perdana secara sepenuh masa sama ada dalam bidang akademik atau kokurikulum. Namun begitu, senarai nama murid akan kekal dalam pendaftaran khas. Guru kelas biasanya boleh merujuk atau meminta bantuan daripada guru pendidikan khas sekiranya terdapat sebarang masalah sama ada dari segi pembelajaran atau tingkah laku murid berkeperluan khas tersebut. Selain itu murid pendidikan khas dalam kategori inklusif penuh ini akan diberi peluang untuk mengambil peperiksaan awam seperti murid normal yang lain. Manakala Program Pendidikan Inklusif Separa (Integrasi) pula ialah murid berkeperluan khas yang terpilih akan mengikuti pembelajaran di dalam kelas biasa untuk mata pelajaran tertentu sahaja. Murid tersebut akan mengikuti semula program di dalam kelas pendidikan khas pada waktu yang selebihnya. Sama seperti program pendidikan inklusif penuh, senarai nama murid tersebut akan didaftarkan dalam program Pendidikan Khas. Dalam inklusif separa ini juga, guru Pendidikan Khas sendiri akan terlibat sebagai pembimbing atau guru pendamping. Ujian mata pelajaran yang terlibat sama dengan murid biasa terutamanya pada subjek yang diinkluskikan. Tidak semua murid berkeperluan khas masalah pembelajaran tidak dapat mengikuti pelajaran murid normal. Sebagai contoh, sesetengah murid disleksia ada yang mahir dalam subjek seni dan alat muzik manakala murid autisme pula dapat menguasai masalah seperti mengira dan menyelesaikan masalah matematik. Berbeza pula dengan murid normal, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan ialah pembelajaran abad yang ke 21 di mana pembelajaran ini yang menekankan pemikiran secara kritikal dan kreatif. Di mana pelajar akan lebih menonjol dalam akademik dan guru hanyalah sebagai pembimbing sahaja.

Selain itu, kaedah pengajaran menggunakan visual. Kaedah pengajaran ini ialah menggunakan bahan bantuan mengajar seperti gambar-gambar bagi menunjukkan sesuatu perkara kepada murid masalah pembelajaran supaya mereka lebih memahami dan dapat menarik perhatian mereka. Hal ini demikian kerana, gambar-gambar yang digunakan mempunyai warna yang menarik dan berwarna-warni dapat menarik perhatian murid tersebut. Manakala melalui kaedah pembelajaran dan pengajaran murid normal akan menggunakan slide pembentangan yang dibuat oleh mereka dan dibentangkan dihadapan kelas mereka.

Seterusnya kaedah pengajaran melalui deria. Di mana kaedah ini menulis pada tapak tangan, pasir atau pada belakang badan murid tersebut. Kaedah ini dapat merangsang deria rasa murid tersebut untuk lebih mengingati pelajaran dalam jangka masa panjang. Bagi murid normal pula, kaedah pembelajaran yang digunakan ialah kaedah pemikiran di mana mereka akan menerokai sendiri keindahan ciptaan alam dan seni untuk memupuk idea yang dihasilkan oleh mereka.

Akhir sekali ialah kaedah pengajaran melalui pengalaman. Kaedah ini sangat mudah kerana murid berkeperluan mempelajari sesuatu melalui pengalaman yang mereka lalui. Contohnya mereka mempelajari bagaimana untuk pengurusan kebersihan diri. Mereka akan mempelajari secara praktikal semasa mereka mandi, membasuh tangan sebelum makan dan sebagainya. Manakala kaedah pembelajaran bagi murid normal ialah kaedah pemikiran yang kreatif di mana murid normal akan bekerjasama dalam kumpulan untuk menghasilkan idea yang diusahakan oleh mereka sendiri.

8.0 KESAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERHADAP MURID BERKEPERLUAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran terhadap murid berkeperluan khas masalah pembelajaran memberikan banyak kesan positif kepada mereka. Melalui pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan kepada murid berkeperluan khas ini dapat mengubah personaliti murid ke arah positif. Pembelajaran dapat mengubah tingkah laku murid masalah pembelajaran kearah yang positif. Hal ini demikian kerana dalam kaedah pengajaran guru akan menyelitkan peneguhan yang positif atau negatif bagi mengubah tingkah laku murid tersebut. Sebagai contoh, guru akan mendenda murid yang tidak berkelakuan baik manakala murid yang berkelakuan baik akan menerima pujian atau hadiah.

Selain itu, melalui pengajaran juga dapat meningkatkan motivasi diri kepada murid berkeperluan khas. Melalui pembelajaran akan dapat membentuk kognitif murid supaya lebih bersifat ingin tahu. Keadaan ini menyebabkan mereka akan lebih berminat dan bermotivasi untuk terus belajar . Oleh itu, mereka akan mencuba pelbagai jalan

penyelesaian dalam persekitaran pembelajaran yang lebih selamat. Contohnya sifat ini tahu tentang bagaimana kipas dapat berpusing.

Seterusnya pengajaran dan pembelajaran juga dapat meningkatkan kemahiran bersosial. Apabila sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam kelas secara tidak langsung akan berlaku komunikasi dua hala antara guru dengan murid dan murid dengan murid semasa aktiviti berkumpulan. Keadaan ini akan mewujudkan interaksi semasa di dalam kelas. Oleh itu kemahiran sosial dapat dikuasai oleh murid berkeperluan khas masalah pembelajaran ini.

Di samping itu, kemahiran berdikari dalam diri murid berkeperluan khas juga dapat dikuasai ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana dalam pengajaran guru akan menerapkan nilai-nilai kebersihan diri, pengurusan diri dan kemahiran untuk berdikari kepada murid berkeperluan khas ini. Oleh itu, apabila tamat persekolahan mereka akan dapat mengaplikasikan kemahiran berdikari apabila berada di kelompok masyarakat yang normal.

9.0 KESIMPULAN/PENUTUP

Terbukti bahawa pengajaran dan pembelajaran mampu memberi kesan kepada proses pembelajaran murid berkeperluan khas. Namun murid berkeperluan khas masalah pembelajaran menghadapi kesukaran dalam pembelajaran disebabkan oleh faktor psikologi dan faktor persekitaran. Mereka menghadapi masalah dalam kognitif, akademik, sosial dan emosi serta tingkah laku. Kaedah penaksiran seperti RTI digunakan untuk mengenal pasti masalah pembelajaran.

Pengajaran dan pembelajaran terhadap murid berkeperluan khas masalah pembelajaran adalah penting sejajar dengan dasar pendidikan Malaysia untuk memberi peluang pendidikan yang sama rata dan pemberian akses pendidikan maksimum kepada semua murid tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa mahupun agama. Pendidikan perlu dilaksanakan atas dasar pendidikan di Malaysia kerana merangkumi keperluan kesamarataan hak asasi, keperluan pendidikan berkualiti dan keperluan sosial seseorang murid berkeperluan khas.

Secara kesimpulannya, murid berkeperluan masalah pembelajaran menghadapi kesukaran dalam pembelajaran disebabkan oleh faktor psikologi dan persekitaran. Murid masalah pembelajaran menghadapi masalah dalam kognitif, akademik, sosial dan emosi serta tingkah laku. Terdapat beberapa penempatan yang ditawarkan serta kaedah yang sesuai kepada murid bermasalah pembelajaran bagi memastikan pembelajaran mereka dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

10.0 RUJUKAN

- Athirah, T. (2018). *Bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. Retrieved from <https://teacherathirah.blogspot.com/2018/08/definisi-kerencatan-akal-merupakan.html>
- Ghani, M., & Che Ahmad, A. (2013). *Pengantar Pendidikan Khas*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mengenal Terencat Akal*. (2013). Retrieved from <http://cikgusuepkhas.blogspot.com/2013/04/mengenal-terencat-akal.html>
- Pendidikan Khas*. (n.d.). Retrieved from https://www.academia.edu/34058678/assignment_dr_lee_doc111_doc
- Sukor, S. M. (2017). PKU 3102 Pengenalan Kepada Masalah Bahasa Dan Komunikasi. *Bahasa Kanak-Kanak Terencat Akal*.
- Terencat Akal dan Tourette Sindrom*. (2015). Retrieved from <http://tthevaletchumy.blogspot.com/2015/05/v-behaviorurldefaultvmlo.html>
- Abdul Rahman Haji Abdullah*. 2005. *Wacana falsafah ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mahfuzah Mohammed Zabidi & Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi*. 2009. *Penghayatan dan pelaksanaan konsep berguru dalam proses keilmuan pada era globalisasi*. Kertas kerja Persidangan Pendidikan Islam Sedunia kali Ke-7, Kolej Universiti Islam Selangor, Grand Blue Wave Hotel, 21-23 Disember.
- Foo, D. ' D. J. L. K., & Lee, D. L. P. (2012, April 25). *Sindrom Down*. Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/sindrom-down/>

Ismail, W. S. W. (2016, November 17). Anak Sindrom Down-Penjelasan Dr. Dr USM. <http://www.kk.usm.my/index.php/news-media/179-anak-sindrom-down-penjelasan-pakar>

mstar. (2010, September 21). *Membina Keupayaan “Gerak Halus” Dalam Anak Sindrom down*. <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2010/09/21/membina-keupayaan-gerak-halus-dalam-anak-sindrom-down>

Sindrom Down. (2020, November 15). In *Wikipedia*. https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Sindrom_Down

tycto.malaysia. (2019, May 6). *Kenali Gaya Belajar Anak: Visual, Auditori, Kinestetik*. TutorKami. <https://www.tutorkami.com/tuition/gaya-belajar-anak-vak/>

Suppiah Nachiappan , Barathy Sinnasamy and Sandra Suffian. (2017). Masalah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Moral Di Sekolah Menengah Dan Penyelesaian Masalah Melalui Kaedah Hermeneutik. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*. Vol. 7, No. 2, 58-68. Retrieved from <240-Article Text-363-1-10-20181008.pdf>

Mohd Najib Ghafar & Sanisah Jahaya. Bias Pengajaran Guru Dalam Pelajaran Khas Dan Pelajaran Normal. Retrieved from [BIAS PENGAJARAN GURU DALAM PELAJARAN KHAS DAN PELAJARAN NORMAL \(core.ac.uk\)](BIAS PENGAJARAN GURU DALAM PELAJARAN KHAS DAN PELAJARAN NORMAL (core.ac.uk))

Azian Binti Abd. Rahman. (2015). Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke 21.

Education. Retrieved from [Pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 \(slideshare.net\)](Pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 (slideshare.net))

Ecah Sabri. (2013). Kepelbagaian Pelajar dan Perbezaan Pengajaran: *Apa Itu Pendidikan Inklusif Dan Strateginya* . Retrieved from [APA ITU PENDIDIKAN INKLUSIF DAN STRATEGINYA | GGGB3223 \(wordpress.com\)](APA ITU PENDIDIKAN INKLUSIF DAN STRATEGINYA | GGGB3223 (wordpress.com))

